PERKEMBANGAN SUKU KETIGA 2008

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Ekonomi global mengalami kemelesetan akibat krisis kewangan global yang semakin meruncing

Ekonomi global mengalami kemerosotan yang amat ketara apabila beberapa ekonomi perindustrian utama menguncup pada suku ketiga dan mengalami kemelesetan akibat daripada kesan limpahan krisis kewangan ke seluruh ekonomi benar. Fenomena ini berlaku meskipun beberapa langkah luar biasa telah diambil oleh pihak berkuasa untuk memulihkan fungsi pasaran kewangan bagi membendung impaknya terhadap ekonomi benar. Ekonomi serantau turut terjejas apabila ekonomi Singapura dan China Taipei menguncup buat pertama kalinya sejak tahun 2003. Kegiatan membayar balik hutang dan keadaan pertumbuhan global yang lebih lemah mengakibatkan kejatuhan harga minyak dan komoditi yang ketara. Terdapat juga tanda-tanda jelas bahawa tekanan inflasi semakin berkurang di kebanyakan negara.

Di **Amerika Syarikat** (AS), KDNK benar menguncup 0.5% pada kadar tahunan pada suku ketiga (S2 08: 2.8%). Perbelanjaan penggunaan swasta merosot 3.7%, lantas menandakan berakhirnya tempoh lebih sedekad pengembangan perbelanjaan pengguna. Pelaburan tetap menguncup 5.6% (S2 08:-1.7%), disebabkan oleh penurunan yang lebih nyata dalam pelaburan harta kediaman, yakni penurunan sebelas suku tahunan berturut-turut. Namun begitu, eksport bersih menyumbangkan 1.1 mata peratusan kepada pertumbuhan (S2 08: 2.9 mata peratusan). Inflasi mencapai kemuncaknya pada 5.3% pada suku ketiga (S2 08: 4.3%), dan sejak beberapa bulan kebelakangan ini mula menurun sejajar dengan kemerosotan harga komoditi dan penurunan secara meluas yang nyata dalam permintaan global.

KDNK benar **Jepun** bagi suku ketiga merosot 0.4% pada kadar tahunan (S2 08: -3.7%), kemelesetan pertama sejak tahun 2001. Selain perbelanjaan pengguna yang menurun dengan ketara, pelaburan tetap merosot lagi berikutan kejatuhan keuntungan korporat dan kesan kekukuhan yen terhadap eksport dan perolehan luaran. Dari segi inflasi, harga meningkat 2.2% (S2 08: 1.4%) manakala harga teras pengguna terus positif sejak suku keempat 2007.

Kawasan euro secara teknikalnya mengalami kemelesetan buat pertama kali sejak pembentukannya pada tahun 1999, setelah ekonomi itu merosot 0.2% pada asas suku tahunan pada suku ketiga (S2 08: -0.2%). Pada asas suku tahunan, Jerman dan Itali menguncup dua suku tahunan berturut-turut, mencerminkan eksport yang merosot dengan pantas berikutan permintaan global dan permintaan dalam negeri yang lebih lemah. Perancis pula terkecuali dan

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2007		2008			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	4.8	-0.2	0.9	2.8[r]	-0.5[p]	Penguncupan dalam perbelanjaan pengguna dan pelaburan sektor kediaman.
UK	3.3	2.9	2.3	1.5	0.3[p]	Pertumbuhan perlahan yang menyeluruh dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan pembinaan.
Kawasan Euro	2.6	2.1	2.1	1.4	0.7[p]	Pertumbuhan perlahan disebabkan oleh eksport dan permintaan dalam negeri yang lemah.
Jepun[1]	2.3	1.8	2.5	-3.7[r]	-0.4[p]	Kelemahan yang ketara dalam penggunaan, pelaburan dan eksport.

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[r] Disemak
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

dapat mengelakkan daripada mengalami kemelesetan ekonomi disebabkan oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan. Inflasi bagi kawasan euro ialah 3.8% pada suku ketiga (S2 08: 3.6%) dan mencapai tahap tertinggi pada bulan Julai sebelum menjadi sederhana menjelang akhir suku ketiga. Di **United Kingdom** (UK) pula, KDNK benar menurun dengan ketara kepada 0.3% pada suku ketiga (S2 08: 1.5%) dan mencatat penguncupan suku tahunan yang pertama dalam masa 16 tahun. Kelembapan ekonomi adalah meluas, melibatkan sektor perkhidmatan, perkilangan dan pembinaan yang mencatat kemerosotan suku tahunan. Inflasi terus meningkat kepada 4.8% pada suku ketiga (S2 08: 3.4%), walaupun kitaran ekonomi menurun.

Memandangkan krisis kewangan global kian meruncing, pihak berkuasa di seluruh dunia telah mengambil langkah-langkah luar biasa di peringkat negara dan antarabangsa bagi memulihkan fungsi pasaran kewangan dan memberikan rangsangan kepada ekonomi benar yang sedang menguncup dengan pantas. Dari segi monetari, tujuh buah bank pusat utama mengumumkan pemotongan kadar faedah secara terlaras pada 8 Oktober, dengan **Federal Reserve AS** (Fed AS) memotong kadar *Fed funds* sebanyak 50 mata asas kepada 1.5%, **European Central Bank** (ECB) mengurangkan kadar semalamannya sebanyak 50 mata asas kepada 3.75% dan **Bank of England** (BoE) memotong kadar pinjaman asas sebanyak 50 mata asas kepada 4.5%. Kadar *Fed funds* juga dikurangkan lagi kepada 1% pada 31 Oktober, manakala swap mata wang sebanyak USD30 bilion setiap satu dengan Korea, Singapura, Brazil dan Mexico telah dimeterai oleh Fed AS untuk melegakan kekurangan pembiayaan dolar AS dalam pasaran wang global.

Dari segi kewangan, pihak berkuasa AS telah mengumumkan beberapa langkah termasuk langkah untuk menyokong institusi kewangan dalam kesulitan untuk memulihkan aktiviti dalam pasaran kredit. Pada 7 September, Perbendaharaan AS meletakkan dua syarikat kewangan gadai janji tajaan Kerajaan di bawah rancangan pemulihan bagi mengembalikan keyakinan pasaran berikutan kemerosotan berterusan dalam asas modal syarikat-syarikat tersebut. Berikutan jatuh bankrapnya sebuah bank pelaburan utama pada 15 September, Perbendaharaan AS memperkenalkan Program Pemulihan Aset Bermasalah (Troubled Assets Relief Programme) berjumlah USD700 bilion untuk menyuntik modal ke dalam institusi kewangan dan menyediakan bantuan kepada pasaran hutang pengguna disekuritikan yang terjejas. Setakat ini, Perbendaharaan AS telah menyuntik kira-kira USD180 bilion ke dalam beberapa institusi kewangan. Selain memperluas jenis cagaran yang diterima di bawah kemudahan mudah tunai sedia ada, Fed AS juga memperkenalkan Kemudahan Pendanaan Kertas Komersial (Commercial Paper Funding Facility) untuk meredakan kekurangan mudah tunai dalam pasaran kertas komersial memandangkan syarikat-syarikat AS berusaha bersungguh-sungguh untuk memenuhi keperluan pembiayaan jangka pendek mereka.

Sebagai tindak balas kepada keadaan yang semakin buruk, Bank of Japan buat pertama kalinya dalam masa 7 tahun mengurangkan kadar faedah sebanyak 20 mata asas kepada 0.3% pada 31 Oktober apabila yen Jepun melonjak ke paras tertinggi dalam masa 13 tahun dan Nikkei merudum ke paras terendahnya dalam masa 26 tahun. Pada 7 November, ECB mengurangkan kadar semalamannya sebanyak 50 mata asas kepada 3.25%, sementara BoE memotong kadar pinjaman asas tertinggi sebanyak 150 mata asas kepada 3%, kadar terendah sejak tahun 1955. Dari segi fiskal, Jepun, Jerman, Sepanyol dan UK mengumumkan rangsangan fiskal masing-masing yang berjumlah antara USD30 bilion hingga USD50 bilion untuk mengurangkan impak krisis kewangan, manakala AS dan ekonomi lain dijangka mengambil langkah yang sama.

Dalam pasaran komoditi, **harga minyak mentah**[1] global jatuh kepada harga purata USD91.15 setong pada suku ketiga (S2 08:

[1] Merujuk kepada harga WTI niaga hadapan satu bulan di pasaran NYMEX

USD118.59 setong). Selepas harga mencapai kemuncaknya pada USD145.29 setong pada bulan Julai, harga minyak jatuh dengan ketara di bawah USD100 setong. Ini terutamanya disebabkan oleh pemansuhan portfolio spekulatif global untuk membiayai pembayaran balik hutang yang semakin giat di samping jangkaan bahawa permintaan minyak global akan menurun. Harga minyak mencapai paras terendah dalam tempoh tiga tahun setengah di bawah USD50 setong lewat bulan November.

Di **rantau Asia**, pertumbuhan kebanyakan ekonomi di rantau ini pada suku ketiga menjadi sederhana, manakala prestasi eksport pula bercampur-campur. Walaupun pertumbuhan terus diterajui oleh Republik Rakyat China, pertumbuhannya terus menjadi sederhana kepada 9% pada suku ketiga (S2 08: 10.1%). Yang ketara, pertumbuhan Singapura dan China Taipei pada suku ketiga menguncup masing-masing sebanyak 0.6% (S2 08: 2.3%) dan 1% (S2 08: 4.6%). Bagi mengurangkan risiko pertumbuhan ekonomi yang rendah, beberapa Kerajaan di rantau ini telah mengumumkan pakej rangsangan fiskal untuk menyokong permintaan dalam negeri. Dengan tekanan inflasi beransur-ansur lega, dasar monetari juga lebih cenderung ke arah menyokong pertumbuhan.

Malah kebanyakan bank pusat di Asia kini menjurus ke arah pelonggaran dasar monetari. Penurunan dalam kadar faedah telah bermula di kesemua ekonomi rantau ini kecuali Indonesia, Thailand dan Filipina, sementara Singapura menganjakkan pendirian dasar monetarinya kepada memastikan tiada penambahan nilai bagi mata wangnya.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, dolar AS mengakhiri suku ketiga dengan lebih kukuh sedikit berbanding dengan euro dan paun sterling disebabkan oleh proses pembayaran balik hutang dan penghantaran balik dana ke AS. Walau bagaimanapun, yen Jepun menambah nilai berbanding dengan dolar AS berikutan pemansuhan kedudukan dalam urus niaga mata wang (carry trades). Mata wang serantau turut terjejas oleh proses pembayaran balik hutang dan menyusut nilai berbanding dengan dolar AS. Trend ini berterusan hingga ke awal suku keempat.

Melangkah ke hadapan, risiko pertumbuhan global yang rendah akan berterusan berikutan tanda-tanda kemelesetan ekonomi yang lebih buruk dalam ekonomi perindustrian selain pertumbuhan lebih sederhana dalam ekonomi di rantau ini.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2007		2008			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
RR China	11.5	11.2	10.6	10.1	9.0	Pertumbuhan disokong oleh pelaburan aset tetap dan penjualan runcit.
Indonesia	6.5	6.3	6.3	6.4	6.1	Pertumbuhan disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh.
Filipina	7.1	6.4	4.7	4.4[r]	4.6	Pertumbuhan diterajui oleh perbelanjaan isi rumah, eksport dan aktiviti pembinaan.
Thailand	5.1	5.7	6.0	5.3	4.0	Pertumbuhan yang lebih sederhana berikutan pertumbuhan yang lebih lemah bagi eksport dan permintaan dalam negeri.
Korea	5.1	5.7	5.8	4.8	3.9[a]	Pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan oleh kelembapan dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan.
Hong Kong SAR	6.8	6.9	7.3	4.2	1.7	Penurunan yang ketara disebabkan oleh eksport dan permintaan dalam negeri yang lebih rendah.
Singapura	9.5	5.4	6.9	2.3	-0.6	Penguncupan disebabkan oleh penurunan dalam perkilangan bioperubatan.
China Taipei	7.0	6.4	6.3[r]	4.6[r]	-1.0[p]	Penurunan disebabkan oleh penyusutan dalam penggunaan swasta dan permintaan luar negeri yang lemah.

[a] Anggaran awal
[r] Disemak
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara